

Bahagian A
[60 markah]
Jawab semua soalan

- 1 (a) Kedai Manan menjalankan perniagaan menjual peralatan pejabat.

Pada 2 Jun 2025, jumlah hutang Kedai Manan bernilai RM4 320. Syarat Diskaun tunai adalah 10% 7 hari, 5% 14 hari.

Hitungkan diskaun tunai jika menjelaskan hutang pada 9 Jun 2025.

[2 markah]

- (b) Pada 31 Disember 2024, Iqmal Trading menerima tunai RM300 daripada seorang pelanggan yang hutangnya telah dihapuskan.

Apakah catatan bergu bagi urus niaga tersebut?

- (i) _____
 (ii) _____

[2 markah]

- (c) Maklumat berikut diambil daripada Aiman Dekorasi.

Hasil perkhidmatan sebanyak RM250 telah tersalah rekod ke dalam Akaun Jualan.

Betulkan kesilapan tersebut menggunakan Jurnal (abaikan keterangan).

[2 markah]

- (d) Maklumat berikut diambil daripada Kelab Rekreasi Ipoh pada 31 Disember 2024.

Penerimaan sehingga 31 Disember 2024:

	RM
Yuran ahli 2023	1 800
Yuran ahli 2024	59 400
Yuran ahli 2025	900

Baki pada 31 Disember 2024:

	RM
Yuran belum terima	1 200

Akaun yuran pada 31 Disember 2024 adalah seperti di bawah:

Akaun Yuran

	RM		RM
Yuran belum terima	1 800	Bank	X
Pendapatan dan perbelanjaan	Y	Yuran belum terima	1 200
Yuran belum terperoleh	900		_____
	_____		_____

- (i) Berapakah nilai X.

[1 markah]

- (ii) Berapakah nilai Y.

[1 markah]

- (e) Nyatakan **dua** sebab Akaun Modal pekongsi berbaki debit diakhir proses pembubaran.

[2 markah]

- 2 Amna dan Imani merupakan rakan kongsi Pusat Percetakan Imina yang beroperasi di Bandar Meru Raya Ipoh.

Mereka telah menetapkan ikatan perkongsian seperti berikut:

- i) Faedah atas modal 2% setahun
- ii) Faedah atasambilan dikenakan 3 % setahun
- iii) Untung atau rugi dibahagikan antara pekongsi mengikut nisbah modal pekongsi
- iv) Perjanjian menetapkan gaji pekongsi RM1 800 sebulan dan kenaikan gaji sebanyak RM500 sebulan mulai bulan Julai 2024 kepada setiap pekongsi.
- v) Bonus Amna RM 3 000 setahun manakala elaun Imani RM2 000 setahun.

Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan Pusat Percetakan Imina.

Baki pada 1 Januari 2024 seperti berikut:

Butiran	Amna RM	Imani RM
Akaun Modal	400 000	200 000
Akaun Semasa	23 400	2 500 (Dt)

Maklumat pada 31 Disember 2024:

	RM
Akaun Belum Terima	14 000
Akaun Belum Bayar	17 600
Gaji:	
Amna	21 600
Imani	22 300
Ambilan:	
Amna (1 April 2024)	4 000
Imani (1 Julai 2024)	2 000
Bank	65 000
Belanja belum bayar	2 350
Belanja prabayar	5 700
Inventori akhir	24 100
Mesin	340 000
Untung bersih	86 020

Pelarasan berikut belum diambil kira.

- i) Hutang seorang pelanggan telah dihapus kira RM500.
- ii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 4% setahun ke atas Akaun Belum Terima bersih
- iii) Gaji pekerja prabayar RM200.
- iv) Komisen belum terima RM1 000.

Anda dikehendaki menyediakan

- (a) Penyata Pelarasan Untung Bersih bagi tahun berakhir 31 Disember 2024. [6 markah]
- (b) Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 [8 markah]
- (c) Akaun Semasa pekongsi (bentuk beruangan) [9 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 (Bahagian Ekuiti Pemilik sahaja) [2 markah]

- 3 Drone Technology Enterprise merupakan sebuah perniagaan yang menjalankan perniagaan menjual peralatan dan aksesori drone. Perniagaan ini telah mula beroperasi pada 1 Januari 2025.

Baki di Buku Tunai yang ditunjukkan pada 1 Jun 2025 adalah seperti berikut:

	RM
Tunai	1 800
Bank	(412)

Berikut merupakan urus niaga yang berlaku sepanjang bulan Jun 2025:

2025

- Jun 2 Perniagaan telah menerima cek bernilai RM2 300 daripada Gamy Technology untuk menjelaskan bayaran hutang. Diskaun RM200 telah diberikan.
- 4 Jualan barang niaga bernilai RM2 550 dilaksanakan melalui transaksi perbankan elektronik.
Memasukkan tunai bernilai RM1 500 ke dalam akaun bank.
- 5 Perniagaan mengeluarkan cek bernombor 420014 bernilai RM700 kepada Pembekal Drone Hula.
- 8 Menerima komisen secara tunai RM320.
- 11 Perniagaan DJJ telah membuat bayaran sebanyak RM4 155 melalui perbankan atas talian.
- 14 Cek bernombor 420015 bernilai RM2 210 telah dikeluarkan untuk membuat bayaran kepada Bee Tech Enterprise dan menerima diskaun sebanyak RM120.
- 17 Membuat pembayaran hutang kepada Najman Trading menggunakan cek sebanyak RM2 772 yang bernombor 420016.
- 22 Terima cek daripada Demi Enterprise bernilai RM3 300.
- 24 Belian barang niaga RM1 100 menggunakan cek yang bernombor 420017.
- 30 Bayar gaji kepada pekerja RM1 800 dengan menggunakan cek bernombor 420018.
- (a) Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai tiga ruangan untuk mencatatkan urus niaga yang berlaku bagi bulan berkenaan. [13 markah]

- (b) Penyata Bank yang diterima oleh Drone Technology Enterprise bagi bulan Ogos adalah seperti berikut:

BANK KITA BHD					
Penyata Bank					
Drone Technology Enterprise			No. Akaun: 551148548512		
Lot. 567, Jalan Sultan Azlan Shah,					
31400 Ipoh, Perak					
Tarikh	Butir	No. cek	Debit	Kredit	Baki
2025			RM	RM	RM
Jun 1	Baki b/b				112 (dt)
3	Deposit			2 300	2 188 (kt)
4	Pindahan kredit			2 550	4 738 (kt)
	Cek	420011	300		4438 (kt)
5	Deposit			1 500	5 938 (kt)
7	Cek	420014	700		5 238 (kt)
14	Buku cek		15		5 223 (kt)
20	Cek	420016	2727		2 496 (kt)
25	Insurans		350		2 146 (kt)
27	Cek	420017	1100		1 046 (kt)
30	Dividen			410	1 456 (kt)

Maklumat tambahan:

- (i) Cek bernombor 420016 tersilap catat di dalam Buku Tunai.
- (ii) Cek bertarikh 22 Jun 2025 telah dipulangkan oleh bank dengan ditanda "Rujuk Penyuruh Bayar"

Berdasarkan jawapan anda di 3 (a), anda dikehendaki:

- (1) Mengemas kini Buku Tunai (ruangan bank sahaja). [8 markah]
- (2) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2025. [4 markah]

Bahagian B**[40 markah]***Jawab dua soalan daripada bahagian ini.*

- 4 Cik Aqila telah memulakan perniagaan Dobi Segar Layan Diri pada 1 Mac 2024 di Taman Botani, Ipoh.

Berikut merupakan maklumat perniagaannya pada 28 Febuari 2025.

	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal		280 000
Tunai	10 400	
Bank	202 155	
Lengkapan	5 000	
Mesin	160 000	
Kenderaan	50 000	
Pinjaman		76 000
Belian dan Hasil Perkhidmatan	28 000	166 800
Utiliti	6 000	
Sewa	36 000	
Gaji	20 400	
Insurans	3 000	
Belanja am	600	
Belanja pengangkutan	1 245	
	<u>522 800</u>	<u>522 800</u>

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 28 Februari 2025 dinilai seperti berikut:

	Harga Kos	Harga Pasaran
	RM	RM
Sabun basuh	3 000	3 400
Pelembut kain	2 500	2 350

- (ii) Perniagaan telah membuat pembayaran insurans untuk setahun pada 1 Jun 2024.
- (iii) Utiliti yang dibayar termasuk bil elektrik rumah kediaman pemilik RM450.
- (iii) Perniagaan telah membuat pinjaman bank RM80 000 pada 1 Disember 2024. Kadar faedah atas pinjaman bank ditetapkan 4% setahun dan tempoh bayaran balik pinjaman bank adalah 5 tahun.

- (iv) Pemilik telah membeliengkapan bernilai RM2 000 pada 1 Mei 2024 dengan menggunakan wang peribadi. Perkara tersebut belum direkodkan.
- (v) Kadar susut nilai adalah seperti berikut:
- Mesin 20% setahun atas kos
 - Kenderaan 10% setahun atas baki berkurangan
 - Lengkapan dinilai RM4 000 pada akhir tempoh perakaunan.
- Polisi perniagaan menetapkan susut nilai dikira untuk setahun sekiranya aset dibeli dalam tempoh kewangan dan susut nilai tidak diambilkira pada tahun aset dilupuskan.
- (vi) Sepanjang tahun pemilik telah mengambil sabun basuh RM204 untuk kegunaan peribadi. Perkara ini direkodkan sebagai belanja am.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 28 Februari 2025. [12 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 28 Februari 2025. [8 markah]

- 5 (a) Berikut ialah modal diterbitkan bagi Syarikat A'mar Berhad pada 26 Januari 2022.

Modal Diterbitkan:

- 1 500 000 unit 8% Syer Keutamaan bernilai RM2.00 sesyer
3 500 000 unit Syer Biasa bernilai RM1 sesyer

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 hingga 2024, keuntungan syarikat yang diagihkan untuk pembayaran dividen kepada pemegang syer adalah seperti berikut:

Tahun	Keuntungan untuk pembayaran dividen (RM)	Pembayaran Dividen 8% Syer Keutamaan (RM)	Pembayaran Dividen Syer Biasa (RM)
2022	260 000		
2023	Tiada		
2024	620 000		

Maklumat tambahan:

- (i) Pembayaran dividen kepada pemegang syer adalah mengikut keutamaan.
- (ii) Pada 1 Januari 2024, Syarikat telah memutuskan perkara berikut:
- membayar dividen interim 8% kepada pemegang syer keutamaan bagi tempoh 5 bulan pertama dan 2% kepada pemegang syer biasa.
 - mencadangkan dividen akhir kepada pemegang syer keutamaan dan syer biasa.

Anda dikehendaki:

- (1) Menghitung pembayaran dividen berdasarkan keuntungan di atas bagi 8% Syer Keutamaan dan Syer Biasa dari tahun 2022 hingga 2024. [6 markah]
- (2) Menghitung kadar dividen syer biasa bagi tahun berakhir 31 Disember 2024. [2 markah]
- (3) Menghitung dividen interim dan dividen syer keutamaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024. [2 markah]
- (4) Menghitung dividen interim dan dividen akhir syer biasa bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 berdasarkan maklumat tambahan dan a (2). [2 markah]

- (b) Marhaina adalah pemilik Spa Marhaina di Ipoh, Perak. Dia menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar dengan nilai panjar berjumlah RM200.

Urus niaga berikut diambil daripada buku Spa Marhaina

2025		RM
Julai 1	Baki buku tunai	57
1	Rekupmen dengan cek	?
5	Belian minuman pelanggan	30
16	Pinjaman Maryam	60
19	Belian pewangi spa	18
23	Bayaran bungkusan pos	45

Anda dikehendaki:

Menyediakan Buku Tunai Runcit bagi bulan Julai 2025 dengan menunjukkan lajur Belanja Pejabat, Pelbagai dan Belanja pos. Tunjukkan baki dan rekupmen pada 1 Ogos 2025. [8 markah]

- 6 Perniagaan Titisan Segar yang beroperasi di Seri Iskandar mengeluarkan minuman susu kambing segar pelbagai perisa secara kecil-kecilan. Maklumat berikut diperoleh daripada perniagaan tersebut.

	RM
Bahan langsung	25 500
Angkutan masuk	200
Royalti	3 300
Gaji pekerja kilang	14 000
Jumlah	43 000
Sewa	10 000
Utiliti	6 600
Gaji penyelia kilang	5 000
Jumlah hasil	63 000

Unit pengeluaran 10 000 botol.

Anda dikehendaki:

- (a) Menghitung

- (i) Kos Berubah Seunit [2 markah]
- (ii) Kos Tetap [2 markah]
- (iii) Harga Jualan Seunit [2 markah]
- (iv) Margin Caruman Seunit [2 markah]
- (v) Titik Pulang Modal dalam unit dan RM [4 markah]
- (vi) Keuntungan yang diperoleh jika unit yang dikeluarkan ialah 15 000 botol. [2 markah]

- (b) Berdasarkan jawapan anda di 6 (a):

Lakar graf Titik Pulang Modal dengan:

- (i) Melabelkan semua garisan pada graf
- (ii) Menunjukkan Titik Pulang Modal

[6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT